

Tingkatan 4 Unit 1 (Norma Masyarakat)

- Norma – perkataan Latin, peraturan/ketentuan yg telah menjadi kebiasaan yg dijangka akan dipatuhi oleh setiap masyarakat
- Norma masyarakat – perilaku/tindakan yg diterima sebagai amalan dlm sesuatu kelompok, komuniti/budaya
- Norma masyarakat?
 - akur & dapat menyesuaikan diri dengan peraturan yg telah ditetapkan
 - tingkah laku yg dianggap wajar & diterima dlm masyarakat
 - amalan agama menjadi sebahagian norma masyarakat
- Contoh
 - menghormati orang yg lebih tua
 - duduk ketika makan
 - mengetuk pintu sbelum masuk
 - beratur Ketika menggunakan pengangkutan awam
- Kepentingan
 - Sebagai panduan bertingkah laku – membantu & mengatur agar memahami & mengamalkan tingkah laku yg diterima oleh masyarakat
 - Membentuk masyarakat yg teratur – individu membuat tindakan & mengambil Tindakan yang sesuai bagi melahirkan masyarakat yg teratur
 - Membina masyarakat yg harmoni – sentiasa menjaga tingkah laku & interaksi sosial yg baik
 - Sebagai ukuran bertingkah laku – amalan norma yg diakui & diterima akan menjadi ukuran masyarakat
- Kesan
 - Bersikap individualistik – bertingkah laku tanpa mengambil kira kepentingan orang lain
 - Manusia kurang beradab – perilaku yg bertentangan drpd norma masyarakat yg sepatutnya
 - Hubungan sosial terjejas – perubahan gaya hidup, meminggirkan orang yang lebih tua
 - Mejejaskan keharmonian masyarakat – memandang rendah amalan norma yg berbeza
- Nilai – hormat, hemah tinggi, toleransi, kesederhanaan, kebebasan
- **Hedonisme**

Tingkatan 4 Unit 2 (Peribadi Mulia Hiasan Diri)

- Berkeperibadian mulia – memerlukan nilai murni dari segi perlakuan moral, emosi moral dan perlakuan moral
- Keperibadian moral – sifat baik dan terpuji yang dimiliki oleh individu
- Ciri
 - Ikhlas dan jujur dalam tindakan
 - Berusaha bersungguh-sungguh utk melakukan kebaikan
 - Sabar dan tenang ketika menghadapi kesukaran dlm kehidupan
 - Berpegang teguh pada nilai moral
- Cara
 - Diri – bersikap bemaaf dan berani mengakui kesilapan diri
 - Keluarga – mendapatkan sokongan ibu bapa dlm kehidupan
 - Rakan sebaya – memberikan pertolongan dgn ikhlas
 - Masyarakat – membantu mangsa banjir
 - Negara – mengharumkan nama negara dlm pelbagai bidang
- Kepentingan
 - Dihormati dan dipandang mulia oleh orang lain
 - Menjadi suri teladan kpd orang lain
 - Mencapai matlamat hidup yg diinginkan
 - Menjamain kebahagian dalam kehidupan
- Perbandingan Tingkah Laku
 - Berkeperibadian mulia ---> sentiasa bersyukur, bekerjasama dan saling menolong, berjimat cermat dlm perbelanjaan
 - X Berkeperibadian mulia ---> mudah berputus asa dlm usaha mencapai kejayaan, mementingkan diri sendiri, tidak jujur
- Nilai – kepercayaan kepada tuhan, hemah tinggi, haraga diri, kejujuran, keberanian
- **Maruah Diri**

Tingkatan 4 Unit 3 (Prinsip Keadilan & Keprihatinan)

- Prinsip keadilan – menegakkan kesaksamaan dgn keseimbangan dlm pemikiran, pertuturan, perasaan & perlakuan, perbuatan adil terhadap diri & orang lain

- Contoh prinsip keadilan
 - Bersikap tidak berat sebelah – pemilihan calon
 - Layanan sama rata – tanpa mengira status sosial
 - Menghormati hak individu – kemudahan utk golongan OKU
 - Adil dlm mengagihkan sumbangan/bantuan – mengsa bencana
 - Bersikap nasional – menganalisis situasi
- Prinsip keprihatinan – memberikan pertimbangan moral dlm melaksanakan peranan/kewajipan, mempertimbangkan orang lain dlm situasi yg dihadapi
- Contoh prinsip keprihatinan
 - Berperikemanusiaan – sikap simpati terhadap mangsa bencana
 - Menjaga kebajikan org lain melebihi diri sendiri – melibatkan diri dlm program kesukarelawanan
 - Pemurah – memberikan bantuan kewangan apabila diperlukan
 - Menunjukkan perasaan kasih sayang – menyayangi dan menghargai flora & fauna
 - Kepedulian – membantu golongan yg memerlukan
- Kepentingan
 - mengelakkan diri daripada menjadi mangsa keadaan
 - menjamin keamanan & keharmonian masyarakat
 - semua lapisan masyarakat mendapat keprihatinan yang sewajarnya
- Contoh penyelesaian konflik
 - Mengenal pasti konflik/permasalahan yg timbul
 - Membuat pertimbangan moral
 - Membuat keputusan dalam pemilihan prinsip keadilan/keprihatinan
 - Justifikasi kewajipan dlm membuat keputusan
- Nilai – rasional, kasih sayang, baik hati, kejujuran, keberanian
- **Hukuman mati**

Tingkatan 4 Unit 4 (Penggunaan Teknologi Maklumat dan Berkomunikasi Secara Beretika)

- Teknologi maklumat dan berkomunikasi – system yg membolehkan pengumpulan, pengurusan, manipulasi, perolehan dan komunikasi maklumat dlm pelbagai bentuk

- Etika
 - Berkomunikasi secara berhemah dlm talian
 - Tidak memuat naik sebarang bahan tanpa keizinan pemilik yg sah
 - Tidak menyebarkan sebarang maklumat palsu
 - Berintegriti dlm memberikan maklumat yg betul utk sebarang penggunaan dlm talian
- Kepentingan
 - Meningkatkan kualiti pendidikan – menjimatkan masa dan wang, mampu menarik minat murid
 - Mempelbagaikan perkhidmatan dlm talian – perkhidmatan lebih mesra pengguna, pelbagai pilihan transaksi dlm talian
 - Meningkatkan hubungan sosial – memudahkan komunikasi secara maya, mengeratkan hubungan
 - Menjanakan ekonomi – menyediakan peluang perniagaan & perkhidmatan, barangan dipromosikan dgn meluas
 - Perkongsian maklumat – pelbagai maklumat boleh diperolehi dgn mudah, maklumat terkini dapat disebar luas
 - Menjimatkan kos dan masa – kos panggilan telefon & pengangkutan dpt diijimatkan, mesyuarat diadakan secara telesidang
- Contoh
 - Penggunaan Akuan E-mel – menggunakan bijak dan berhati-hati, tidak memalsukan maklumat diri
 - Penggunaan pengiklanan – bersaing secara sihat dgn tidak memburukkan barangan dan perkhidmatan orang lain
 - Memuat turan & memuat naik – mendapat kebenaran yg sah drpd pemiliknya, tidak memuat naik bahan negatif
- Kesan
 - Ketidaktepatan maklumat – mengelirukan orang lain, menimbulkan fitnah
 - Isu keselamatan – risiko data peribadi digodam, terdedah kepada buli siber
 - Serangan pelbagai virus – menjejaskan sistem computer, mengganggu penggunaan harian dlm teknologi
 - Terdedah kpd bahan negatif – meningkatkan gejala sosial, mempengaruhi pemikiran murid
 - Ketagihan penggunaan – pembaziran masa, mengganggu tugasan harian
- Nilai: rasional, kebebasan, harga diri, kesederhanaan, kerajinan
- **Trend mengemas kini status melalui laman sosial, Pengalaman menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi**

Tingkatan 4 Unit 5 (Mantap Integriti Mantaplah Jati Diri)

- Integriti – perkataan Latin “Integer”, bermaksud menyeluruh, sempurna, tulen & tdk berubah

- Integriti individu – melahirkan jati diri produktif dan berkualiti dlm setiap perlakuan

- Apakah Integriti Individu
 - sifat jati diri yg merangkumi kejujuran & keikhlasan
 - penghayatan & pegangan teguh terhadap ciri & nilai positif
 - ketulusan & keutuhan dlm setiap perlakuan & pemikiran
- Kepentingan
 - Tidak menjejaskan kepentingan orang lain
 - Mengelakkan perselisihan faham
 - Membela nasib golongan yg tertindas
 - Mendapatkan keyakinan dan kepercayaan orang lain
- Implikasi Perbuatan X Berintegriti
 - menjatuhkan maruah diri
 - menjejaskan masa hadapan
 - memalukan anggota keluarga
 - dipinggirkan oleh masyarakat
 - menjejaskan keharmoniana negara
 - mencemarkan nama negara
- Sikap integriti menurut perspektif agama



- Nilai: kepercayaan kpd tuhan, kejujuran, harga diri, kerajinan, bertanggungjawab
- **Cara mengamalkan integriti individu**

Tingkatan 4 Unit 6 (Keluarga Berintegriti)

- Keluarga – unit asas yg berkait rapat dgn integrity dlm membentuk sikap & perlakuan mulia setiap anggotanya

- Ciri – Saling menghormati, pegangan agama kuat, bertanggungjawab, amanah, penyayang, hubungan erat
- Contoh
 - Menjadi pegangan agama sebagai asas yg kukuh dlm pembinaan keluarga
 - ajaran agama dipupuk dlm setiap perlakuan
 - Menjaga kerahsiaan
 - tidak menceritakan rahsia keluarga kpd pihak luar kecuali pihak tertentu
 - Melaksanakan tugas & tanggungjawab sebagai seorang suami, isteri & anak2
 - memastikan setiap anggota keluarga melaksanakan kewajipan masing2
 - Menunjukkan teladan yg baik kpd anggota keluarga
 - ibu bapa mengamalkan sikap yg positif & proaktif
 - Mendidik anak2 utk menyayangi, menghormati & menjaga warga tua
 - menghargai sumbangan warga tua kepada keluarga
- Implikasi perbuatan tidak berintegriti
 - Kerosakan akhlak dlm kalangan keluarga – menjatuhkan imej negara
 - Meruntuhkan institusi kekeluargaan – perceraian
 - Diskriminasi dlm keluarga – perselisihan faham dlm keluarga
 - Penglibatan anggota keluarga dlm gejala sosial – gejala lari dari rumah
 - Rumah tangga porak-peranda – keluarga tidak harmoni
- Amalan
 - Saling menyayangi sesama anggota keluarga – menghormati anggota keluarga yg lebih tua
 - Mendidik anggota keluarga dgn ajaran agama atau kepercayaan – mendidik ajaran agama
 - Menunjukkan perlakuan mulia supaya dapat mencontohinya – menjaga rahsia dlm keluarga
 - Memastikan penglibatan warga tua dlm setiap aktiviti keluarga – mendengar nasihat orang tua
- Nilai – kasih sayang, hormat, toleransi, Kerjasama, harga diri
- **Cara membantu anggota keluarga**

Tingkatan 4 Unit 7 (Berperikemanusiaan)

- Perikemanusiaan – sifat yg wajar bagi manusia seperti bertimbang rasa, tolong-menolong & mengasihani

- Contoh
 - Membantu mangsa bencana alam
 - Membantu orang yg memerlukan
 - Memelihara & memulihara alam sekitar
 - Melayan pekerja dgn baik
 - Mempunyai sikap empati & simpati dgn jiran
- Kepentingan
 - Menwujudkan masyarakat yg prihatin & penyayang - flora & fauna dihargai & disayangi
 - Persepakatan dlm masyarakat dapat dikukuhkan - masyarakat bersatu padu dlm semua aspek kehidupan
 - Melahirkan masyarakat yg harmoni - tidak bersangka buruk terhadap kejayaan orang lain
 - Keselamatan masyarakat terjamin - kes jenayah dikurangkan
- Kesan pengabaian
 - Hilangnya maruah & harga diri
 - Kebajikan warag tua terabai
 - Tekanan jiwa & emosi
 - Mejejaskan ekosistem
 - Mementingkan diri sendiri
- Nilai – kepercayaan kpd Tuhan, baik hati, hemah tinggi, kasih sayang, berterima kasih
- **Perlakuan berperikemanusiaan dalam masyarakat**

Tingkatan 4 Unit 8 (Hak & Tanggungjawab Warganegara)

- Contoh
 - Kebebasan diri – memelihara diri sendiri & nyawa orang lain kecuali mengikut undang2
 - Keabdian & kerja paksa dilarang – tidak menindas golongan pekerja dgn memberikan layanan adil kpd semua pihak
 - Hak terhadap harta – bertanggungjawab utk membuat pengisytiharan harta & membayar cukai
 - Kesamarataan – tidak bersikap diskriminasi kpd mana2 pihak atas alasan kaum/agama /jantina
 - Kebebasan bercakap, berhimpun & berpersatuan – mendapatkan kebenaran drpd pihak berkuasa sbelum mengadakan perhimpunan
- Hak – kuasa melakukan sesuatu yg ditentukan mengikut peraturan & undang2 negara
- Kepentingan
 - Menwujudkan kemakmuran & keamanan dlm kehidupan
 - Mengelakkan perselisihan faham antara kaum
 - Merapatkan jurang antara kaum
- Kesan pengabaian
 - Diri – tersisih drpd masyarakat, dipandang rendah oleh masyarakat
 - Masyarakat – berlaku perselisihan faham, mengancam keselamatan
 - Negara – imej negara tercemar, semangat patriotik akan berkurangan
- Tanggungjawab – kesanggupan utk melaksanakan tugas serta kewajipan dlm menjaga kedaulatan negara
- Kepentingan
 - Melestarikan alam sekitar
 - Membangunkan & memartabatkan negara
 - Mempunyai kesetiaan yg tinggi kpd negara
- Kesan pengabaian
 - Diri – hak asasi akan hilang, berlaku diskriminasi kpd diri
 - Masyarakat – taraf hidup rakyat terjejas, hidup tidak sejahtera
 - Negara – kestabilan negara terganggu, tadbir urus pentadbiran kucar-kacir
- Nilai – bertanggungjawab, patriotisme, berterima kasih, kebebasan, berdikari
- **Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**

Tingkatan 4 Unit 9 (Perpaduan Masyarakat)

- Perpaduan – penyatuan masyarakat dlm membentuk satu identity nasional & nilai bersama

- Contoh
 - Keselamatan penduduk – membuat rondaan di Kawasan kediaman
 - Aktiviti patriotik – melibatkan diri dlm sambutan kemerdekaan
 - Sukan – menyokong pasukan negara
 - Kelestarian alam – memelihara & memulihara alam sekitar
 - Majlis keramaian – menghadiri rumah terbuka semasa musim perayaan
 - Aktiviti kesukalerawanan – membantu mangsa bencana
- Agensi kerajaan & peranannya
 - Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
 - mendidik masyarakat cinta akan perpaduan, meningkatkan perhubungan kaum ke arah perpaduan
 - Rukun Tetangga
 - menjalankan aktiviti utk meningkat dan mengukuhkan semangat perpaduan, keharmonian & kerjasama
 - Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
 - memantapkan usaha memulihara, mengekal, mengembang & menyeramak seni budaya warisan negara
 - Jabatan Penerangan Malaysia
 - Meningkatkan kefahaman, sokongan dan penglibatan masyarakat terhadap dasar & program kerajaan
- Kepentingan
 - meningkatkan keyakinan pelabur asing
 - mengukuhkan ekonomi negara
 - mengekalkan kedaulatan & keselamatan negara
- Cabaran
 - Penyebaran maklumat palsu & negative – penggunaan media sosial tanpa had
 - Penguasaan Bahasa kebangsaan yang lemah – kelemahan individu menguasai bahasa kebangsaan
 - Kurang menerima, menghormati & mengurus -pejudis terhadap kaum lain
 - Kurangnya pemahaman agama & kebudayaan kaum lain – kurang menghormati agama, kepercayaan & budaya kaum lain
- Nilai – bertanggungjawab, patriotisme, berterima kasih, kebebasan, berdikari
- **Peranan sukan membentuk perpaduan dalam kalangan masyarakat**

Tingkatan 4 Unit 10 (Pengurusan Perbelanjaan secara Beretika)

- Pengurusan perbelanjaan secara beretika – cara wang dibelanjakan & diuruskan dgn berhemah utk mendapatkan sesuatu

- Cara
 - Menentukan kedudukan wang yg dimiliki – memastikan jumlah yg dimiliki, merancang perbelanjaan wang
 - Mengenal pasti & membuat anggaran perbelanjaan – membuat catatan & mengkategorikan setiap item sbg keperluan/kehendak, membuat peruntukan bg setiap perbelanjaan
 - Membeli barangan secara tunai, kad debit atau kad kredit – membuat bayaran secara tunai atau menggunakan kad kredit, mengelakkan diri drpd berhutang
 - Mendisiplinkan diri ketika berbelanja – berbelanja mengikut kemampuan, mengelakkan diri drpd membeli barangan berasaskan jenama semata-mata
 - Tidak terpengaruh dgn jualan murah atau jualan dlm talian – membeli barangan yg dirancang shj, mendapatkn khidmat nasihat sebelum membeli
 - Mendokumentasikan perbelanjaan – mencatatkan semua perbelanjaan yg telah dibuat, menyimpan semua resit pembayaran dgn lebih sistematik
- Kepentingan
 - Menjamin masa hadapan – menabung, persediaan utk menyambung pelajaran
 - Mengelakkan pembaziran – membeli mengikut perancangan, membentuk sikap berjimat cermat
 - Menjadi rujukan perbelanjaan akan datang – membuat penambahbaikan dlm mengurus perbelanjaan
 - Mengelakkan diri drpd ditipu – menjadi pengguna yg bijak, sentiasa membuat semakan & perbandingan harga
 - Mengurangkan bebanan hutang – membebaskan diri drpd bebanan hutang yg banyak, memupuk sikap mengharagai wang
- Kesan
 - Diri – menghadapi masalah kewangan, nama boleh disenaraihitamkan oleh bank
 - Keluarga – menjejaskan perbelanjaan lain, menjejaskan hubungan kekeluargaan
 - Masyarakat – melahirkan persaingan yg tidak sihat dlm berbelanja, melahirkan tabiat boros & membazir
 - Negara – meningkatkn kadar inflasi, meningkatkan kadar barangan import
- Nilai: kesederhanaan, bertanggungjawab, berdikari, rasional, kejujuran
- **Rancangan pengurusan perbelanjaan**

Tingkatan 4 Unit 11 (Keunikan Rakyat Malaysia)

- terdiri daripada kaum: Melayu, Cina, India, Punjabi, Kadazandusun, Iban, Orang Asli, Baba & Nyonya

Kaum Melayu Bahasa: Melayu. Makanan: Nasi lemak, rendang, sate. Pakaian: Baju kurung, baju Melayu. Perayaan: Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha.	Kaum Cina Bahasa: Mandarin, Hakka, Kantonis, Hokkien, Hainan, Fuzhou, Teochew. Makanan: Dim sum, kuih bulan, zongzi, tang yuan. Pakaian: Ceongsam, samfu, qipao. Perayaan: Tahun Baharu Cina, Cap Goh Mei, Dong Zhi.
Kaum India Bahasa: Tamil, Telugu, Malayalam. Makanan: Tose, idli. Pakaian: Sari, dhoti. Perayaan: Deepavali, Thaipusam.	Kaum Kadazandusun Bahasa: Kadazandusun. Makanan: Tuhau, hinava, bosou. Pakaian: Himpogot, tangkong, siling, tapir. Perayaan: Pesta Kaamatan, Pesta Moginakan Nunuk Ragang.
Kaum Iban Bahasa: Iban. Makanan: Manuk pansuh, kasam ikan, salai. Pakaian: Sirat, kelambi, kain tenun, baju burung. Perayaan: Gawai Dayak, Gawai Antu, Gawai Batu.	Kaum Punjabi Bahasa: Punjabi. Makanan: Chapati, dhal, saag, lassi. Pakaian: Serban, kurta-pejama, dupatta, selwar-kameez. Perayaan: Hari Vesakhi.

- Kepentingan keunikan
 - Mengukuhkan perpaduan rakyat Malaysia – menerima persamaan & perbezaan budaya
 - Mengukuhkan kestabilan politik dan ekonomi negara – menarik pelancong asing
 - Melahirkan generasi baharu yg mengekalkan kepelbagaian budaya
 - meningkatkan kesedaran tentang kefahaman budaya pelbagai kaum
 - Mengekalkan keseimbangan antara kemajuan negara dgn warisan kebudayaan
 - memelihara jati diri
 - Menjadi kebanggaan negara – meningkatkan imej negara
- Cabaran
 - Cabaran bahasa – menjejaskan komunikasi antara kaum
 - Cabaran budaya luar – mudah dipengaruhi dgn budaya negatif dari luar
 - Polarisasi kaum – mencetuskan konflik antara kaum
 - Cabaran sosial – kecelaruan identiti bangsa
- Strategi mengekalkan keunikan
 - Diri – menerima & menghormati keunikan semua kaum, tdk memandang rendah adat kaum lain
 - Ibu bapa – mengamalkan adat & budaya dlm keluarga, mendidik anak2 menerima kepelbagaian budaya
 - Kerajaan – Menganjurkan aktiviti kesenian & kebudayaan peringkat sekolah, memartabatkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- Nilai – patriotisme, kerajinan, berdikari, keberanian, berterima kasih
- **Keunikan di Malaysia (Budaya, kesenian, cara mengekalkan keunikan)**

Tingkatan 4 Unit 12 (Kedaulatan Negara Tanggungjawab Bersama)

- Negara berdaulat – negara yg bebas daripada jajahan & berupaya utk menguruskan hal ehwal negara secara tanpa campur tangan drpd negara lain

- Ciri
 - Merdeka – bebas membuat keputusan tanpa campur tangan daripada negara lain, mempunyai Pentadbiran kerajaannya sendiri
 - Beridentiti nasional – bendera rasmi, jati negara, lagu kebangsaan
 - Bermaruah & berwibawa – kuasa politik yg stabil, ekonomi yg mantap
 - Berstruktur pemerintahan sendiri – mengamalkan pemerintahan Raja Berperlembagaan, mengamalkan sistem demokrasi berparlimen
 - Bebas drpd pengaruh luar – perpaduan rakyat terjamin, keunikan budaya dikekalkan
- Kepentingan
 - Mengekalkan kemerdekaan negara – sistem pemerintahan yg stabil
 - Maruah negara terpelihara – tidak terpengaruh dgn anasir subversive
 - Mengekalkan kestabilan politik – pemerintahan mengikut acuan sendiri
 - mengukuhkan perpaduan & keharmonian rakyat Malaysia – memberikansumbangan kpd pembanguanna negara
 - meningkatkan semangat patriotik – cinta dan setia akan raja & negara
- Cabaran
 - penularan berita yg menggugat kedaulatan negara
 - taraf & sosial yg tdk seimbang dlm kalangan rakyat
 - generasi muda yg kurang semangat patriotic terhdapa negara
 - tindakan kuasa besar yg mencabar kedaulatan negara
 - rakyat kurang jati diri % mudah terpedaya dgn hasutan dalam & luar negara
- Kesan Pengabaian
 - Tradisi & norma masyarakat semakin – rakyat mengagungkan budaya luar
 - Perpaduan & keharmonian terjejas – rakyat saling bermusuhan
 - Aktiviti ekonomi negara terbantut – pembangunan negara terjejas
 - ketidakstabilan politik negara – sistem pemerintahan tergugat
 - Campur tangan kuasa luar – negara tidak aman
- Nilai: patriotism, bertanggungjawab, hormat, keberanian, Kerjasama
- **Peranan pelbagai pihak dalam mengekalkan kedaulatan negara**

18 NILAI UNIVERSAL dalam KSSM PENDIDIKAN MORAL

Bil	Nilai	Maksud nilai
1	Kepercayaan kepada Tuhan 信奉上天	Keyakinan wujudnya Tuhan sebagai pencipta alam dan mematuhi segala ajaran berlandaskan pegangan agama atau kepercayaan masing-masing selaras dengan prinsip Rukun Negara.
2	Bertanggungjawab 负责任	Kesanggupan diri seseorang untuk memikul dan melaksanakan tugas serta kewajipan dengan sempurna.
3	Berdikari 自立	Kebolehan dan kesanggupan melakukan sesuatu tanpa bergantung kepada orang lain.
4	Harga Diri 自尊	Keupayaan dan keyakinan diri agar mampu memulia dan menjaga maruah diri dalam kehidupan.
5	Kerajinan 勤勉	Usaha yang berterusan bersungguh-sungguh dan berdedikasi dalam melakukan sesuatu.
6	Berterima kasih 感谢	Perasaan dan perlakuan untuk menunjukkan pengiktirafan dan penghargaan.
7	Patriotisme 爱国	Bangga dan taat setia kepada raja dan negara.
8	Kebebasan 自由	Bebas melakukan sesuatu tertakluk kepada peraturan dan undang-undang.
9	Keberanian 勇敢	Kesanggupan untuk menghadapi cabaran dengan yakin dan tabah.
10	Kejujuran 诚实	Bercakap benar, bersikap amanah dan ikhlas dalam setiap perlakuan.
11	Rasional 理智	Boleh berfikir berdasarkan alasan atau bukti yang nyata dan dapat mengambil tindakan yang wajar.
12	Baik hati 好心 / 善良	Kepekaan terhadap keperluan dan kebajikan diri, dan orang lain dengan memberi bantuan serta sokongan moral secara ikhlas.
13	Hemah Tinggi 崇高的品德	Beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian.
14	Hormat 尊敬	Menghargai dan memuliakan seseorang serta menghormati peraturan insitusi sosial.
15	Kasih Sayang 仁爱	Kepekaan dan perasaan cinta yang lahir daripada hati yang ikhlas.
16	Kerjasama 合作	Melakukan sesuatu bersama-sama untuk kebaikan semua.
17	Kesederhanaan 中庸之道	Bersikap tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain.
18	Toleransi 互相忍让 / 容忍	Kesanggupan bertolak ansur, sabar dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup.